



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
27 MAC 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |                              |    |
|------------------------------|----|
| - Sasar penurunan 70 peratus | 31 |
|------------------------------|----|

**Sinar Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Perbincangan bersama Ahli Parlimen selesai isu penduduk | 40 |
|---|----|

**Harian Metro**

- |   |    |
|---|----|
| - Syor SPRM campur tangan siasat aktiviti pelacuran | 23 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
27 MAC 2017 (ISNIN)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Sasar penurunan 70 peratus
Muka Surat	31



PELAN Pengurusan Karbon yang dilaksanakan oleh dua PBT di Lembah Klang mampu mengurangkan pelepasan karbon sehingga 70 peratus menjelang 2030. - GAMBAR HIASAN

DBKL, MPAJ laksana pelan pengurusan karbon

## Sasar penurunan 70 peratus

UM 27/3/17  
M/S 31

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MAC

DUA pihak berkuasa tempatan (PBT) di Lembah Klang mengambil langkah proaktif mewujudkan Pelan Pengurusan Karbon (PPK) dengan menyasarkan penurunan karbon dalam tempoh 13 tahun.

Dua PBT yang akan melaksanakan pelan tersebut adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, **Datuk Mohd. Najib Mohd.**, berkata, sasaran penurunan karbon sebanyak 70 peratus di ibu negara bakal direalisasikan menjelang 2030 melalui pelan tersebut.

Menurut beliau, beberapa langkah dan pembaharuan akan dilakukan bagi memastikan usaha tersebut berjaya.

Tambahnya, perkara itu termasuk pelaksanaan sistem ne-



MOHD. NAJIB MOHD.



ABD. HAMID HUSSAIN

dalam sidang akhbar program tersebut di sini baru-baru ini.

Sementara itu, MPAJ termasuk PBT lain sekitar Lembah Klang turut menyasarkan penurunan karbon pada masa akan datang.

Yang Dipertua, **Abd. Hamid Hussain** berkata, pihaknya memerlukan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi memastikan pelan berkenaan berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

"MPAJ menyeru semua pemilik bangunan menggunakan lampu LED yang lebih mesra alam. Selain itu, kami berterima kasih kepada pertubuhan bukan kerajaan, The Carbon Trust kerana sudi bekerjasama bagi merealisasikan Ampang Jaya sebagai bandar rendah karbon menjelang 2022," katanya.

Menurutnya, walaupun tiada tindakan undang-undang dikenakan berhubung perkara itu, namun kesedaran dan kerjasama

bangunan DBKL seperti menggunakan lampu jenis diod pemancar cahaya (LED) dan program kesedaran kepada warga kota.

"Pelan pengurusan karbon merupakan salah satu inisiatif DBKL dalam memastikan Kuala Lumpur bebas karbon menjelang 2030. Sebagai langkah permulaan, perkara itu melibatkan penggunaan elektrik dalam bangunan yang mampu mengurangkan 20 hingga 30 peratus pelepasan karbon pada 2022."

"DBKL menganggarkan perbelanjaan yang diperlukan bagi meniawakan pelan tersebut se-



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 MAC 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Perbincangan bersama Ahli Parlimen selesai isu penduduk
Muka Surat	40

st 27/3/17 Ms 40

### Perbincangan bersama Ahli Parlimen selesai isu penduduk

BUKIT ANTARABANGSA - Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin akan mengadakan perbincangan bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pejabat daerah dan tanah, pemaju serta badan pengurusan bersama (JMB) sebuah pangaspuri di sini, berhubung beberapa isu yang dibangkitkan penduduk di kediaman itu.

Zuraida berkata, pihaknya dimaklumkan banyak isu yang masih belum selesai sejak 2008.

"Saya juga akan membangkitkan isu terbaru iaitu tanah runtuh yang berlaku di pangaspuri berkenaan pada Ahad lalu dalam perbincangan itu," katanya kepada Sinar Harian selepas melawat lokasi tanah runtuh di pangaspuri berkenaan bersama Ahli Majlis MPAJ, Ahmad Sabri Abu Bakar, semalam.

Menurut Zuraida, pihaknya juga akan memberi nasihat kepada JMB untuk menguatkuaskan tindakan ke atas pemilik atau penyewa yang enggan membayar yuran penyelenggaraan.

"Yuran penyelenggaraan ini secara tidak langsung dapat membantu JMB menjalankan tugas seperti menjaga kebersihan dan keselamatan.

"Penduduk seharusnya berkerjasama sebelum tindakan tegas diambil ke atas mereka seperti mengunci meter atau sebagainya," katanya.

Pada 19 Mac lalu berlaku runtuhan tanah sepanjang 50 kali di belakang pangaspuri berkenaan, namun tiada kerosakan struktur dan kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.



Zuraida (tiga, kiri) melawat lokasi kejadian.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 MAC 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Syor SPRM campur tangan siasat aktiviti pelacuran
Muka Surat	23

**Kuala Lumpur** Hn 27/3/17 Ns 23.

### **Syor SPRM campur tangan siasat aktiviti pelacuran**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu campur tangan dalam siasatan berhubung aktiviti pelacuran yang berselindung di sebalik premis perniagaan yang sah.

Kegiatan seperti itu kemungkinan wujud kerana terdapat segelintir anggota pihak berkuasa di kawasan berkenaan yang menerima suapan sehingga menyebabkan mereka 'menutup mata'.

Pengerusi Malaysia Community Care Foundation (MCCF) Halim Ishak berkata, pihaknya tidak menolak unsur rasuah berkenaan yang menyebabkan pemilik premis berani bertindak demikian.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mengambil tindakan segera bagi membanteras aktiviti yang jelas mencemarkan imej Islam dan masyarakat tempatan.

"Ia perlu dibanteras dengan kerjasama semua pihak berwajib di kawasan terbabit, bukan sahaja PBT sebaliknya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Negeri dan Jabatan Imigresen perlu berganding bahu menjalankan siasatan," katanya.

Beliau berkata, orang awam atau masyarakat setempat juga perlu melaporkan kegiatan berkenaan kepada penguatan kuasa di kawasan masing-masing supaya kegiatan itu dapat dilumpuhkan.

Halim berkata demikian ketika mengulas laporan muka depan Metro Ahad berhubung operasi sebuah restoran masakan panas atau warung tomyam yang dijadikan pusat hiburan haram.